

KAJIAN AWAL PENGGUNAAN TEKNIK FONIK DALAM PEMBANGUNAN APLIKASI MOBIL FONIK: BACALAH SAYANG

Farhana Abdullah Asuhaimi, Amalia Ahmad, Helyawati Baharuddin, Shakirah Mohd Sofi,
farhana@kuis.edu.my, amalia.ahmad96@yahoo.com,
helyawati@kuis.edu.my, syakirah@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan kajian awal penggunaan teknik fonik dalam pembangunan aplikasi mobil fonik: Bacalah Sayang. Kaedah fonik merupakan kaedah yang menekankan penguasaan hubung kait di antara huruf-huruf dan bunyi-bunyinya. Terdapat pelbagai kaedah yang digunakan oleh pakar bidang dalam memperkenalkan teknik bacaan fonik kepada kanak-kanak mahupun orang dewasa yang baru belajar membaca. Di dalam kertas kerja ini, tiga teknik sedia-ada akan dikaji dan dibincangkan. Seterusnya cadangan teknik yang bersesuaian akan digunakan bagi membangunkan aplikasi mobil fonik: Bacalah Sayang.

Kata kunci: teknik fonik, aplikasi mobil.

1.0 PENGENALAN

Kepelbagaian kaedah dan pendekatan memberi peluang kepada kanak-kanak yang berbeza kecerdasan untuk belajar membaca mengikut kesesuaian masing-masing. Kajian ini menfokuskan penggunaan kaedah fonik dalam pengajaran kemahiran membaca kanak-kanak prasekolah. Pengalaman pembelajaran di kelas prasekolah yang menggembirakan dapat menyuntik perspektif positif kepada kanak-kanak sebagai persediaan untuk memasuki alam pendidikan formal dan mengharungi cabaran dalam arus pendidikan sepanjang hayat. Menurut Rohani, Nani Menon dan Mohd. Sharani (2003), pengalaman yang diperoleh oleh kanak-kanak pada peringkat awal akan mempengaruhi keseluruhan perkembangan pembelajaran seperti fizikal, intelek, bahasa, sosial, emosi dan nilai.

Kaedah fonik merupakan kaedah yang menekankan penguasaan hubung kait di antara huruf-huruf dan bunyi-bunyinya. Murid dikehendaki membaca terus suku kata-suku kata tanpa melalui proses mengeja. Hal ini membolehkan murid untuk membaca perkataan baru di luar perbendaharaan kata mereka. Ia amat sesuai bersesuaian dengan susuk bahasa yang terdiri daripada suku kata yang hampir bunyinya seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Arab. Asas kaedah ini ialah mengenal dan mengingat huruf-huruf dan bunyinya sahaja tanpa perlu mengingat pola suku kata (Muhammad Anuar Basir 2013).

2.0 KAJIAN LITERATUR

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, terdapat pelbagai tahap pembelajaran kaedah fonik. Rujukan yang telah digunakan adalah dari kertas kerja/buku yang bertajuk “Pelaksanaan Pengajaran Membaca Menggunakan Kaedah Fonik Peringkat Prasekolah Di Brunei Darussalam”, “*Phonics Primer*” dan “*Alphabetic Understanding, Phonics, and Spelling*”.

2.1 Pelaksanaan Pengajaran Membaca Menggunakan Kaedah Fonik Peringkat Prasekolah Di Brunei Darussalam

Menurut kertas kerja/buku yang pertama yang mana turut mengambil asas pembelajaran dari buku Bacalah Anakku, terdapat tiga tahap yang telah digunakan

untuk pembelajaran di tadika dan taska. Tiga tahap berikut dikategorikan sebagai A, B dan C telah diuji terhadap murid di sekolah tersebut.

Pada tahap A memfokuskan kepada membunyikan bunyi huruf, manakala pada tahap B pula memfokuskan kepada menggabungkan bunyi konsonan dan vokal. Tahap C pula memfokuskan kepada membunyikan perkataan dua suku kata, sama ada Konsonan Vokal Konsonan(KVK) atau pun Konsonan Vokal Konsonan Vokal(KVKV) seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Tahap Pembelajaran Fonik

Tahap	Bunyi Yang Diuji
A	a, i, u, n, b, m, k, s, t, y
B	na bu mi su ka tu si yi ti yu ta ma sa ku
C	Ibu nasi muka kaki siku Buku mata bayi batu saya

2.2 Teknik Phonics Primers

Seterusnya, bagi kertas kerja/buku yang kedua, kaedah fonik yang diajar kepada murid- murid akan melalui 15 tahap. Tahap-tahap ini akan diterangkan melalui jadual yang berikut:

Jadual 2: Tahap Pembelajaran Fonik





Tahap	Penerangan	
1	Mengumpulkan bahan-bahan yang disenaraikan di bawah dan menyimpan bahan-bahan tersebut di dalam kotak: <ol style="list-style-type: none"> 1. Bahan fonik sistematik 2. <i>Flashcard</i> fonik dengan kombinasi huruf atau gabungan huruf 3. Cerita-cerita yang boleh dibaca 4. Bekalan menulis: kad indeks, fail kad indeks, <i>marker</i> dakwat kekal, tablet menulis, 2 pensel dengan pemadam 	
2	Mengajar 5 bunyi vokal dan bunyi konsonan. Ajar sehingga hafal.	/a/ pada abu /b/ pada bola
3	Praktik dua gabungan huruf.	b + a = ba
4	Praktik tiga gabungan huruf.	a + bu = abu
5	Mengajar konsonan akhir yang berulang, ayat majmuk dan gabungan dua konsonan.	<i>puff cats stun</i>
6	Mengajar digraf (ch, sh, th, wh, ng, nk). Satu digraph terdiri daripada dua konsonan yang membentuk bunyi baru apabila digabungkan. Ajar juga gabungan tiga huruf.	<i>chin ship</i> <i>thin whip</i> <i>sang sank split</i>
7	Memperkenalkan beberapa perkataan berfrekuensi tinggi supaya dapat membaca kebanyakan ayat.	<i>be no for into</i> <i>was your their</i>
8	Mengajar bunyi vokal panjang dan ejaannya. Terdapat lima ejaan biasa untuk setiap bunyi vokal panjang. Ajar juga teknik “ <i>Silent-e Rule</i> ”: Apabila perkataan satu suku kata berakhir dengan “e” dan mempunyai pola <i>vce</i> (<i>vowel-consonant-e</i>), vokal pertama disebut dan “e” disembunyikan.	<i>cake rain pay steak</i> <i>cookie fruit soup</i>
9	Mengajar bunyi <i>r-controlled</i> dan ejaannya.	<i>fern pure dollar</i> <i>farm orange fork</i> <i>door pour</i>

10	Mengajar diftong /oi/ /ow/ dan ejaannya. Satu diftong terdiri daripada dua vocal yang membentuk bunyi baru apabila digabungkan. Ajar juga bunyi istimewa lain.	<p>/oi/ = oil boy</p> <p>/ow/ = owl ouch short</p> <p>/oo/ = cook pull</p> <p>/sh/ = vacation facial</p> <p>/zh/ = vision</p>
11	Mengajar /aw/, /awl/, /awk/ dan ejaannya.	<p>/aw/ = jaw haul wash</p> <p>/awl/ = bald wall</p> <p>/awk/ = talk</p>
12	Mengajar bunyi-bunyi berikut dan bentuk ejaan.	<p>/s/ di eja c = cent cycle</p> <p>/j/ di eja g ge dge = age gym</p> <p>/f/ di eja ph = phone phonic</p>
13	Selepas 3 ke 4 bulan mempelajari fonik, mula memperkenalkan cerita-cerita yang boleh dibaca.	
14	Mula memperkenalkan buku-buku "easy-to-read"	
15	Teruskan mengajar senarai ejaan berdasarkan fonetik.	






2.3 Teknik *Alphabetic Understanding, Phonics, and Spelling*

Bagi kertas kerja/buku yang ketiga, terdapat dua tahap yang telah digunakan iaitu Tahap Mengeja dan Tahap Mengeja Spanish. Di dalam setiap tahap ini, terdapat beberapa peringkat yang telah diuji terhadap kanak-kanak di tadika. Bagi Tahap Mengeja, terdapat peringkat *Prephonemic, Semiphonemic/Early Letter Name, Letter Name*, dan *Within-Word Pattern*. Manakala bagi Tahap Mengeja Spanish, terdapat peringkat *Preliterate, Semi-phonetic, Semi-phonetic* 2, *Phonetic* dan *Transitional*.

Jadual 2: Peringkat dalam Tahap Mengeja

Peringkat	Contoh	Penerangan
<i>Prephonemic</i>		<p>Meniru penulisan dengan menconteng, melukis, atau menulis. Termasuk bentuk seperti huruf, tetapi tidak membuat sambungan ke bunyi.</p>
<i>Semiphonemic/Early Letter Name</i>		<p>Perlahan-lahan memperoleh arahan menulis (kiri ke kanan dan atas ke bawah) tetapi tidak mempunyai jarak yang betul. Mewakili seluruh kata-kata dan suku kata dengan konsonan awal, serta menambah konsonan akhir. Selalunya huruf pengganti yang sama dinyatakan, seperti /b/ untuk /p/, /j/ untuk /dr/.</p>
<i>Letter Name</i>		<p>Mula mewakili setiap bunyi dengan huruf. Menyambung bunyi dengan nama-nama huruf. Tambah vokal pendek, tetapi teruskan ejaan berdasarkan tempat artikulasi, seperti /e/ untuk /i/. Gunakan beberapa campuran konsonan dan digraf.</p>
<i>Within-Word Pattern</i>		<p>Mula menggunakan pola ejaan dan bahagian perkataan untuk mengeja suku kata tunggal yang lebih kompleks. Gunakan corak vokal panjang, yang mengelirukan mereka, seperti bote untuk bot.</p>

Jadual 3: Peringkat dalam Tahap Mengeja Spanish

Peringkat	Contoh	Penerangan
<i>Preliterate</i>		Tiada bunyi huruf yang sepadan di antara bunyi permulaan dalam suku kata dan huruf atau contengan yang dibuat oleh murid.
<i>Semi-phonetic 1</i>		Vokal pertama atau konsonan pertama sesuatu suku kata ditulis dengan betul. Huruf pertama yang ditulis oleh murid pengguna bahasa Sepanyol kebiasaannya adalah huruf daripada nama mereka sendiri dan menggunakan vokal bukannya konsonan.
<i>Semi-phonetic 2</i>		Konsonan pertama dan konsonan lain ditulis secara betul atau konsonan pertama dan sekurang-kurangnya satu vokal (boleh jadi vokal pertama) ditulis dengan betul.
<i>Phonetic</i>		Terdapat vokal di setiap suku kata. Pada suku kata yang mempunyai satu vokal, vokal tersebut di tulis secara tepat/betul; pada suku kata yang mempunyai dua vokal, sekurang-kurangnya salah satu vokal tersebut ditulis dengan betul/tepat. Kesalahan ejaan adalah penulisan alternatif daripada sesuatu bunyi.
<i>Transitional</i>		Setiap bunyi di dalam perkataan selari dengan huruf yang ditulis. Pada suku kata yang mempunyai diftong, setiap bunti mesti di tulis dengan dua vokal atau satu vokal.

3.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Berdasarkan kajian literatur, dapat dilihat perbezaan tahap yang digunakan bagi setiap kertas kerja/buku yang dapat dilihat seperti Jadual 4,

Jadual 4: Perbezaan Tahap Bagi Setiap Kertas Kerja/Buku

Bil	Jadual Kertas Kerja/Buku	Tahap Pembelajaran Fonik
1	Perlaksanaan Pengajaran Membaca Menggunakan Kaedah Fonik Peringkat Prasekolah di Brunei Darussalam	3
2	<i>Phonics Primer</i>	15
3	<i>Alphabetic Understanding, Phonics and Spelling</i>	2

Kaedah fonik dilihat sangat sesuai diterapkan dalam pengajaran kemahiran membaca peringkat prasekolah. Banyak kajian menunjukkan pembelajaran membaca secara fonik akan meningkatkan prestasi bacaan seorang murid dengan kadar yang lebih cepat (Podhajski, Mather, Nathan dan Sammons 2015). Kaedah ini dilihat sangat berkesan kerana setelah setahun kaedah ini diperkenalkan, terdapat murid yang sudah boleh membaca surat khabar dengan sendiri tanpa dibantu oleh guru. Apabila mereka sudah boleh menguasai bunyi huruf, mereka akan mudah mahir membaca. Kesan positif penggunaan kaedah fonik ini boleh dilihat dalam masa yang cepat jika dibandingkan dengan penggunaan suku kata.

Kajian awal terhadap teknik sedia ada dilihat sangat sesuai untuk dijadikan rujukan bagi pembangunan Aplikasi Fonik: Bacalah Sayang secara berperingkat. Oleh itu, Aplikasi Fonik: Bacalah Anakku akan menggunakan tahap-tahap yang dinyatakan seperti di dalam kertas kerja/buku tersebut.

Teknik fonik yang dikaji dapat diaplikasikan dalam bentuk permainan berperingkat di mana murid akan mendapat manfaat serta kelebihan dari pembelajaran menggunakan aplikasi ini. Bentuk permainan ini akan dimulakan dengan tahap pertama dengan diberi 5 soalan cara menulis berdasarkan kertas/kerja *Alphabetic Understanding, Phonics, and Spelling*. Tahap kedua diteruskan dengan 5 soalan mengenal gambar berdasarkan huruf vokal atau konsonan dan tahap yang terakhir diikuti dengan mengenal gambar berdasarkan suku kata gabungan seperti yang telah diterangkan dalam kertas kerja/buku “Pelaksanaan Pengajaran

Membaca Menggunakan Kaedah Fonik Peringkat Prasekolah Di Brunei Darussalam” dan “*Phonics Primer*.”

5.0 KESIMPULAN

Tiga kaedah fonik telah dikaji dan dikenal pasti iaitu “Pelaksanaan Pengajaran Membaca Menggunakan Kaedah Fonik Peringkat Prasekolah Di Brunei Darussalam”, “*Phonics Primer*” dan “*Alphabetic Understanding, Phonics, and Spelling*”. Setiap teknik mempunyai kelebihan dan kesesuaian masing-masing. Hasil kajian ini dilihat sangat membantu dalam pembangunan aplikasi mobil fonik: Bacalah Sayang.

RUJUKAN

- Alphabet, Understanding, Phonics and Spelling (2009). Texas: University of Texas System/Texas Education Agency.
- Donald, R. & Shane, T (1998) Explorations in developmental spelling: Foundations for learning and teaching phonics, spelling, and vocabulary. Newark: International Reading Association.
- Muhamad Anuar Basir (2013). Keberkesanan teknik Al-Baghdadi dalam pembelajaran Al- Quran di Malaysia. Kuala Lumpur: UM.
- Noratiqah Satari, Hasnah Toran & Suziyani Mohamed (2017). Aplikasi Modul Membaca Fonik Khas Dalam Kalangan Murid Yang Mengalami Autisme. Selangor: UKM.
- Othman Ahamad & Nik Eliani Nik Nawi (2009). Kursus kaedah mengajar bacalah anakku. Kuala Lumpur: Teadnetwork.
- Podhajski, B., Mather, N., Nathan, J. & Sammons, J (2009). Professional Development in Scientifically Based Reading Instruction: Teacher Knowledge and Reading Outcomes. Arizona: University of Arizona.
- Rohani Abdullah, Nani Menon & Mohd Sharani Ahmad (2003). Panduan kurikulum prasekolah. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Sandra, E. (2007). Phonics Primer. Virginia: National Right to Read Foundation.
- Sharipah Amalhayaty (2015). Penggunaan Kaedah Fonik Dalam Pengajaran Kemahiran Bacaan Awal Kanak-Kanak Prasekolah. Selangor: UPSI.
- Yahya Othman, Aisah Md. Daud, Azmey Othman, Dk. Siti Ardiah Pg. Mohiddin & Maszuraimah Muizz Sulaiman (2012). Pelaksanaan Pengajaran Membaca Menggunakan Kaedah Fonik Peringkat Prasekolah Di Brunei Darussalam. Brunei Darussalam.